

PENGAWASAN KOD

25 TAHUN MELINDUNGI AMALAN
PENYUSUAN SUSU IBU



MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU
SEDUNIA 1-7 OGOS

**'Amalan penyusuan yang salah akan
sentiasa menjadi penghalang kepada
kesihatan dan kesejahteraan
kanak-kanak di peringkat global'**

Diklerasi Innocenti bagi pemakanan
bayi dan kanak-kanak 2005

WABA 2006

- Meningkatkan amalan penyusuan susu ibu merupakan langkah yang terbaik untuk mengurangkan penyakit dan kematian di kalangan bayi dan kanak-kanak.



- Pemasaran produk gantian susu ibu secara tidak beretika terus menggugat amalan penyusuan susu ibu.
- Pada tahun 2006, lebih 60 buah negara di seluruh dunia telah memaklumkan atau sebahagian peruntukan berkenaan kaedah pemasaran ini yang terkandung di dalam Kod Antarabangsa bagi Pemasaran Produk Gantian Susu Ibu ke dalam undang-undang.
- Namun, masih banyak perkara yang perlu dilaksanakan. Syarikat pengeluar susu di seluruh dunia telah melaburkan berjuta-juta ringgit untuk mempromosikan produk susu formula bayi.
- Kita dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap Kod tersebut dan membantu mewujudkan pelbagai kaedah untuk pembantu pihak berkuasa bagi memastikan komitmen mereka di Perhimpunan Kesihatan Sedunia terlaksana.
- Perpaduan dalam memerangi produk gantian susu ibu dapat membantu jutaan nyawa kanak-kanak kecil.

Bayi seorang jutawan yang tidak disusukan dengan susu ibu didapati kurang sihat berbanding dengan bayi dari ibu golongan miskin yang disusukan secara eksklusif dengan susu ibu.

Professor J. Stewart Forsyth, Ninewells Hospital and Medical School, Dundee, Scotland, UK, 2006.

Fakta Asas Kod

Kod ini telah merangka pelan pemasaran untuk melindungi:-

- bayi
- ibubapa atau penjaga
- kakitangan kesihatan

Kod ini mengaturkan pemasaran produk gantian susu ibu dan kelengkapan penyusuan termasuklah:-

- sebarang produk di pasaran untuk penyusuan, sama ada sesuai atau tidak kepada bayi di bawah umur 6 bulan
- sebarang produk pasaran untuk penyusuan bayi selepas 6 bulan yang mana menggantikan susu ibu
- sebarang botol susu

Kod ini telah dirangka agar digunakan di arena antarabangsa serta:

- melibatkan pihak korporat dan kerajaan
- sebagai garis panduan agar pihak kerajaan mahupun korporat mampu menjadikan lebih efektif
- diaplikasikan oleh pihak syarikat meskipun pihak kerajaan tiada garis panduan.

Kod ini merangkumi kesemua:

- susu berformula
- formula susulan
- jus, air mineral serta teh
- makanan tambahan yang dilabel bagi penggunaan kanak-kanak yang berumur kurang dari 6 bulan
- botol susu dan puting

Kod ini adalah hasil resolusi WHA berdasarkan keputusan kolektif pada peringkat antarabangsa bagi menanggapi cabaran kesihatan global. Apabila delegasi Negara kita bersetuju dengan resolusi WHA, mereka telah menjanjikan komitmen Negara dalam pelaksanaan resolusi bagi pihak kita seperti resolusi WHA yang lain, kod adalah milik semua.

Sejak kod diimplementasikan pada 1981, terdapat 11 lagi resolusi WHA yang dilaksanakan bagi menyelesaikan kekeliruan dan bagi menghadapi cabaran baru dalam pemakanan bayi dan kanak-kanak. Kesemua mengukuhkan kepentingan pelaksanaan Kod. Sekarang ia menjadi tanggungjawab kita untuk mengingatkan kerajaan kita dan membantu mereka untuk mereliasasikan komitmen kepada Kod dan resolusi.

Kod melarang pengiklanan, tawaran sampel percuma kepada ibubapa, mengagungkan penyusuan tiruan dan membezakan antara produk keluaran dengan susu ibu.

'Kod Pemasaran bagi Pemasaran Produk Gantian Susu Ibu' telah diluluskan semasa Perhimpunan Kesihatan Sedunia (World Health Assembly) 25 tahun yang lalu. Kod ini telah menggariskan beberapa peraturan yang mudah bagi mengawalatur amalan pemasaran yang merbahaya.

- tidak mengiklankan produk gantian susu ibu, botol susu dan puting
- tidak mengedarkan sampel percuma kepada para ibu
- tidak mengadakan usaha-usaha promosi premis kesihatan, termasuklah tidak mengedarkan bekalan susu formula percuma / susu yang dibeli pada harga yang terlalu rendah
- Individu dari syarikat pengeluar susu formula bayi tidak boleh menghubungi para ibu secara peribadi
- tidak memberikan hadiah atau sampel secara peribadi kepada kakitangan kesihatan. Kakitangan kesihatan pula tidak boleh mengedarkan sampel-sampel percuma tersebut kepada para ibu
- label-label produk tidak menunjukkan gambar bayi atau anak-anak kecil mahupun perkataan yang mengagungkan produk susu formula
- maklumat yang diberikan kepada kakitangan kesihatan mestilah berdasarkan bukti-bukti yang saintifik
- sebarang maklumat yang disediakan pada produk gantian susu ibu mestilah menyatakan kepentingan dan kebaikan penyusuan susu ibu dan bahayanya produk susu gantian terutama sekali pada label produk

Kod melarang kakitangan syarikat daripada menghubungi ibu mengandung, ibu atau keluarganya secara langsung atau tidak langsung.

Penyusuan tiruan merupakan amalan yang berisiko tinggi

Pelaksanaan Kod ini adalah bertujuan untuk melindungi bayi yang diberikan penyusuan tiruan melalui produk yang berkualiti dan maklumat yang saintifik. Kini, didapati bahawa susu formula bayi mengandungi bakteria yang merbahaya serta mengakibatkan kematian kepada bayi. Pentadbiran Dadah Persekutaan (FDA) di Amerika Syarikat telah mengharamkan penggunaan susu formula di semua pusat penjagaan bayi yang baru lahir. Rumusan bayi berasaskan soya boleh menyebabkan pelbagai risiko kepada kesihatan bayi. Oleh yang demikian, banyak negara termasuk New Zealand dan United Kingdom turut menentang sekeras-kerasnya penggunaan rumusan sebegini. Sungguhpun begitu, produk-produk tersebut masih lagi dipasarkan tanpa sebarang tanda / label amaran.

Kod melarang sebarang promosi botol susu dan puting.

Penyusuan susu ibu: kepentingan kepada kesihatan umum

Peningkatan amalan penyusuan susu ibu boleh menyelamatkan banyak nyawa terutama sekali di kalangan masyarakat yang miskin. Amalan ini juga mampu mengubah taraf kesihatan masyarakat di negara-negara maju dalam menangani kesan negatif penyusuan gantian. Semua negara telah menyatakan sokongan ke atas saranan Badan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) / Tabung Kesihatan Sedunia Kanak-Kanak (UNICEF) pada tahun 2002 mengenai Strategi Global Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak. Pelaksanaan kod tersebut merupakan kunci terhadap kesihatan bayi dan kanak-kanak kecil yang optima. Oleh yang demikian, semakin ramai ibu yang mengamalkan penyusuan susu ibu secara eksklusif selama 6 bulan pertama walaupun sesetengah negara terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kemelut politik dan sosial, penularan penyakit HIV, dan bencana alam semulajadi. Walaupun masyarakat telah menerima penyusuan susu ibu dengan baik namun amalan penyusuan ini akan menjadi kurang ideal sekiranya penyusuan gantian digunakan bersama-sama amalan penyusuan susu ibu. Amalan menanggguh penyusuan susu ibu, menghadkan penyusuan susu ibu dan pemberian produk gantian susu ibu sebelum bayi mencapai umur 6 bulan masih diamalkan. Amalan ini akan meningkatkan risiko terhadap jangkitan penyakit, alahan dan kematian. Kejahilan, maklumat cetak di kalangan profesional kesihatan serta pengabaian hak-hak wanita telah menyumbang kepada perkara-perkara di atas. Sungguhpun begitu, kesan yang paling ketara ialah ancaman yang diberikan melalui aktiviti pemasaran produk susu gantian yang melibatkan pelaburan kewangan yang amat tinggi. Pemasaran produk-produk tersebut secara langsung akan mengancam keberkesanan usaha meningkatkan amalan penyusuan susu ibu.

Kod melarang sebarang promosi produk sebagai pengganti kepada susu ibu sama ada sesuai atau pun tidak.

Kod sebagai asas kepada perlindungan

Para pemimpin kesihatan awam telah membantah sebarang usaha mempromosi produk susu formula bayi ini sejak sekian lama. Pendirian ini telah diisytiharkan secara rasmi kira-kira 25 tahun yang lalu iaitu ketika Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) menjadikan kod ini sebagai asas untuk mewujudkan peraturan di dalam menangani amalan pemasaran yang agresif. Sungguhpun kesemua ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengemukakan komitmen masing-masing ke atas Kod ini, berserta 11 Resolusi Perhimpunan Kesihatan Sedunia yang berkaitan, desakan dari pihak industri mampu merencanakan pelaksanaan Kod ini sepenuhnya.

KEMAJUAN MELALUI KERJA BERTERUSAN

Pada 1990, hanya sembilan buah kerajaan telah mengambil Kod sebagai undang-undang dalam negara. Menjelang 2006, terdapat lebih daripada 70 kerajaan yang telah mengambil semua atau hampir semua isi kandungan kod sebagai undang-undang. Para badan bukan kerajaan dan kumpulan komuniti seperti IBFAN telah menjadi perintis kepada pemantauan bagi pelaksanaan Kod, dokumentasi, latihan dan sokongan kepada individu yang bertanggungjawab dalam memperoleh regulasi kebangsaan.

Idea tindakan seterusnya bagi pelaksanaan kod

Mendidik diri sendiri dan yang lain-lain.

- sediakan sesi latihan Kod bersama-sama rakan-rakan dan ahli bersekutu. Hubungi IBFAN, UNICEF atau WHO untuk maklumat bahan-bahan, informasi dan khidmat nasihat
- minta UNICEF dan WHO untuk beberapa dokumen penting yang boleh diperolehi secara percuma
- tawarkan untuk menyediakan latihan kesedaran Kod kepada pihak kesihatan tempatan. Sekiranya mereka ingin menuju atau ingin mengekalkan status Hospital Rakan Bayi, mereka seharusnya tahu tentang kod

Pemantauan.

- menjalankan latihan pemantauan. Lawat pasaraya dan farmasi. Periksa majalah dan media cetak yang lain termasuk internet, televisyen dan radio. Jika mampu, lawat pusat perubatan tempatan sama ada kerajaan atau swasta
- sediakan laporan pemantauan ringkas dengan fakta-fakta yang tepat dan bahan bukti atau gambar bukti yang menunjukkan pelanggaran Kod
- galakkan para pelajar untuk membuat pemantauan Kod atau topik-topik lain yang berkenaan sebagai topik dalam projek kaji selidik mereka. Beri sokongan dengan maklumat yang berkenaan

Komunikasi.

- jalinkan hubungan dengan pentadbir, pengguna, kumpulan hak asasi manusia dan kumpulan sokongan susu ibu untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Kod (sama ada tempatan atau antarabangsa)

Kod melindungi bayi yang menyusu botol dengan kawalan kualiti produk maklumat saintifik yang tepat, dan amaran kesihatan pada label.

Contoh-contoh Pencabulan Kod

- Sesetengah syarikat pengeluar susu formula bayi menyediakan bahan bacaan dan laman web dengan kononnya menyalurkan maklumat berkenaan penyusuan susu ibu. Namun, mereka sebenarnya menggunakan saluran tersebut untuk melakukan aktiviti promosi produk mereka. Kebanyakan maklumat yang disediakan tidak menyatakan dengan jelas risiko yang dihadapi sekiranya tidak mengamalkan penyusuan susu ibu secara eksklusif serta membuat dakwaan bahawa asid lemak yang terkandung di dalam susu formula kononnya mampu menjadikan bayi lebih pintar.
- Syarikat pengeluar susu formula mengedarkan pelbagai risalah yang mengandungi maklumat yang tidak tepat kepada para profesional kesihatan yang seterusnya akan menyalurkan maklumat sebegini kepada para ibu.
- Rumusan susulan telah dipasarkan sebagai produk yang penting untuk kesihatan bayi yang akan mengakibatkan ibu-ibu menghentikan amalan penyusuan susu ibu lebih awal. Pihak Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) telah mewartakan bahawa rumusan susulan adalah sumber pemakanan yang tidak penting kepada bayi.
- Sejumlah wang yang besar telah diberikan kepada pihak kesihatan untuk mengedarkan sampel susu formula bayi kepada ibu yang baru melahirkan bayi.

Apa yang anda mampu lakukan kini

- Dapatkan maklumat berkenaan implementasi Kod di negara anda. Carta "State of the Code" boleh diperolehi dari rangkaian Antarabangsa Tindakan Makan Bayi (IBFAN) atau boleh dirujuk dari laman web www.ibfan.org. Anda juga boleh memohon nasihat dari pihak Tabung Kesihatan Kanak-kanak Sedunia (UNICEF) atau wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di tempat anda berkenaan pelaksanaan Kod tersebut.
- Menilai aktivi pencabulan Kod yang berlaku di tempat anda melalui pemantauan yang berterusan. Lakukan pemantauan di pasaraya dan farmasi di tempat anda. Semaklah majalah, media cetak, laman web, television dan radio anda. Sekiranya dibenarkan, pemantauan dilakukan di kemudahan kesihatan kerajaan mahupun swasta.
- Hubungi wakil pertubuhan penyusuan susu ibu kebangsaan di tempat anda atau sesiapa sahaja yang bertanggungjawab terhadap polisi pemakanan bayi. Salurkanlah bahan bukti atau pemerhatian anda ke atas pencabulan Kod yang anda temui dan cadangkan untuk mewujudkan garis panduan atau tindakan yang seterusnya bagi melaksanakan Kod ini.

Pusat Pengedaran & Koordinasi MPSIS

OVERALL COORDINATION

WABA Secretariat
P O Box 1200
10850 Penang, Malaysia
Fax: 60-4-657 2655
waba@streamyx.com
www.waba.org.my
www.worldbreastfeedingweek.org

✉ AFRICA

IBFAN Africa
P O Box 781, Mbabane
Swaziland
Fax: 268-40 40546
ibfanswd@realnet.co.sz

IBFAN Afrique
01 B.P. 1776, Ouadadougou 01
Burkina Faso
Fax: 226-503-74163
ibfanfan@fasonet.bf

✉ ASIA

WABA Secretariat
(See address above)

South Asia Breastfeeding Promotion Network of India (BPNI)
P O Box 10551, BP-33
Pitampura, Delhi 110088, India
Fax: 91-11-2731 5606
bpni@bpni.org

✉ EUROPE

Baby Milk Action
34 Trumpington Street
Cambridge
CB2 1QY, UK
Fax: 44-1223-464 417
info@babymilkaction.org

CoFAM / IPA
c/o Information pour l'Allaitement
52 rue Sully
69006 Lyon, France
Fax: 33-478 930 268
roques.nathalie@wanadoo.fr

GIFA/IBFAN Europe
C.P. 157, CH 1211 Geneva 19
Switzerland
Fax: 41-22-798 4443
info@gifa.org

Aktionsgruppe

Babynahrung Ev (AGB)
Untere Maschstrasse 21
D-37073 Göttingen, Germany
Fax: 49-551-531 035
info@babynahrung.org

✉ LATIN AMERICA

CEFEMINA
Apartado 5355
1000 San Jose, Costa Rica
Fax: 506-224 3986
cefemina@racsaco.cr

Origem Group

Av. Beira Mar, 3661 Lj. 18
Casa Caiada - Olinda - PE
CEP 53030 - 540 - Brazil
Fax: 55-81-34327701
juliana@origem.org
www.aleitamenta.org.br

✉ NORTH AMERICA

LLL International
1400 N. Meacham Road, Schaumburg
IL 60173-4840 - USA
Fax: 1-847-519 0035
llhq@llli.org
www.lalcheleague.org

INFAC Canada

6, Trinity Square
Toronto, ON M5G 1B1
Canada
Fax: 1-416-591 9355
info@infactcanada.ca
www.infactcanada.ca

✉ PACIFIC

Australian Breastfeeding Association (ABA)
P O Box 4000, Glen Iris
VIC 3146, Australia
Fax: 61-3-9885 0866
info@breastfeeding.asn.au
www.breastfeeding.asn.au

Development Officer PINDA

c/o Christine Quested
Nutrition Centre Health Department
Private Mail Bag
Apia, Western Samoa
Fax: 685-218 70
brenda@lesamoa.net



WABA tidak menerima atau bekerjasama dengan mana-mana syarikat pengeluar susu bayi, susu untuk ibu menyusu, peralatan yang berkaitan dengan produk susu dan produk makanan tambahan untuk bayi dan kanak-kanak. WABA menggalakkan semua penganjur dan peserta Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia menghormati dan mengikuti etika ini.



Breastfeeding Information Bureau

7A, Jalan Kolam Air, Kg. Klang Gate Baru,
53100 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 603-4107 3678 Fax: 603-4107 2862
Email: bib@susuibu.net.my
Laman Web: www.susuibu.net.my